

Ekstremis alat musuh Islam: PM

BH 11 DEC 1992

(12)
KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengatakan bahawa kumpulan ekstremis adalah alat kepada musuh Islam manakala negara yang diperintah oleh kumyulan itu lebih mundur serta tidak mampu bersaing dengan negara bukan Islam.

Perdana Menteri berkata, ekstremis dan fundamentalis adalah berbeza.

Menurutnya, ekstremis agama ialah kumpulan yang wujud di hampir semua negara Islam yang hanya bertujuan menjatuhkan kerajaan.

"Pada pandangan saya ekstremis ialah mereka mendakwa sesuatu itu tidak cukup Islam dan cuba menjatuhkan kerajaan di negara Islam. Percubaan mereka hanya untuk melemahkan Islam dan menjadikan orang Islam dan negara Islam mundur," katanya selepas merasmikan Kursus Pendakwah Negara di Institut Tadbi-

ran Awam Negara (Intan), di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, walaupun kumpulan ekstremis agama wujud di negara ini, jumlah mereka adalah kecil kerana lebih ramai rakyat yang berfikiran waras.

Menurutnya, kumpulan itu tidak seharusnya membuat penilaian dan tafsiran sendiri mengenai Islam, kemudian memaksa orang lain mengikut pandangan mereka.

Katanya, kegiatan seperti itu akan menimbulkan masalah dan menjadikan orang Islam begitu lemah dan mudah diperalatkan.

"Pihak ekstremis ini membuat tafsiran sendiri yang kadang-kadang tidak mempunyai fundamental Islam. Jadi, mereka adalah ekstremis atau deviationit.

"Orang ini yang yang menjadi masalah. Sesiapa yang berpegang kepada fundamental Islam tidak akan menjadi masalah kepada sesiapa.

"Islam menyuruh kita baik dengan orang Islam lain dan bersaudara manakala dengan bukan Islam yang tidak bermusuhan, kita boleh ada hubungan baik.

"Tetapi puak ini bukan sahaja bermusuhan dengan bukan Islam tetapi juga sesama Islam dan tidak bersaudara. Sebab itu mereka tidak patuh kepada ajaran Islam," katanya.

Dr Mahathir mengaku beliau ialah seorang fundamentalis Islam kerana berpegang dan mengikut Islam sebenar.

"Saya selalu cuba menjelaskan bahawa saya seorang fundamentalis. Fundamentalis bermakna bahawa kita mengikut fundamental atau asas-asas Islam.

"Jika kita berpegang kepada fundamental Islam, kita menjadi seorang fundamentalis. Saya seorang fundamentalis Islam... saya dakwa diri saya sebagai fundamentalis," katanya.